

20 JAN 2004
PAS-Muzakarah
NIK AZIZ CADANG PRESIDEN UMNO DAN PAS BERMUZAKARAH

KOTA BAHARU, 20 Jan (Bernama) -- Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengajak kepimpinan baru Umno yang diketuai oleh Pemangku Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk bermuzakarah dengan kepimpinan tertinggi PAS bagi mencari kebenaran untuk kepentingan agama dan bangsa.

Katanya PAS sentiasa bersedia untuk melangsungkan muzakarah itu sama ada secara terbuka termasuk siaran secara langsung oleh media atau pun secara tertutup.

"Muzakarah ini mesti presiden sama presiden (Abdullah dan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang), kerana presiden parti ini bertanggungjawab memerintah," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Ini adalah jemputan pertama kali bermuzakarah oleh Nik Aziz kepada Abdullah sejak beliau (Abdullah) mengambil alih kepimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad 1 Nov lepas.

Sebelum ini Nik Aziz sering mengulangi kenyataan menjemput Umno bermuzakarah berhubung perbezaan dasar kedua-dua parti itu apabila menyifatkan Umno bukan sebuah parti Islam seperti PAS.

Nik Aziz berkata PAS sedia untuk bermuzakarah dengan Umno kerana langkah itu dituntut oleh Islam dalam menyelesaikan sebarang perbezaan pendapat antara dua pihak.

"Jadi muzakarah ini bukan satu rekaan atau strategi tetapi merupakan perintah daripada Allah melalui Al-Quran," katanya.

Ditanya mengenai program "Selamat Tinggal PAS" yang dilancarkan Umno di Bachok, Sabtu lepas yang menyaksikan ramai penyokong PAS menyertai Umno, Nik Aziz berkata program itu hanyalah gimik Umno dan PAS tidak tergugat.

Katanya sebelum ini pada pilihan raya 1999, Umno juga mengisytiharkan beribu-ribu ahli PAS masuk Umno tetapi keputusannya PAS menang juga.

-- BERNAMA
ANM RAR